

Praktis Formatif 10.1

- 1** (a) Menetapkan matlamat
(b) Menilai kedudukan kewangan
(c) Mewujudkan pelan kewangan
(d) Melaksanakan pelan kewangan
(e) Mengkaji semula dan menyemak kemajuan

2 Berjimat-cermat dan jangan boros.

3 Menilai kedudukan kewangan secara bulanan untuk menentukan sama ada seseorang individu menuju ke arah mencapai matlamat kewangan yang telah ditetapkan.

4 *S – Specific* (Khusus)

M – *Measurable* (Boleh diukur)

A – *Attainable* (Boleh dicapai)

R – *Realistic* (Bersifat Realistik)

T – *Time-bound* (Mempunyai tempoh masa)

5 (a) Pinjaman = $P + Pr t = 40\ 000 + 40\ 000(0.03)(5) = \text{RM}\ 46\ 000$

$$\text{Ansuran bulanan} = \frac{46\ 000}{5 \times 12} = \text{RM}\ 767$$

(b) *Specific* (Khusus) – Membeli kereta baharu Perodua Bezaa.

Measurable (Boleh diukur) – Shukri perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM767 selama lima tahun.

Attainable (Boleh dicapai) – Shukri dengan pendapatan bulanan bersih sebanyak RM5500 mampu membayar ansuran bulanan sebanyak RM767.

Realistic (Realistik) – Dengan pendapatan bulanan bersih sebanyak RM5 500 dan hanya perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM767 adalah realistik.

Time-bound (Mempunyai tempoh masa) – Menyelesaikan hutang dalam masa lima tahun.

Praktis Sumatif 10

Soalan Objektif

1 Merancang strategi untuk membuat spekulasi dalam pasaran saham bukan satu kriteria dalam pengurusan kewangan.

Jawapan: C

2 T mewakili tempoh masa dan bukannya mengendali kekangan.

Jawapan: D

3 Mengkaji pasaran kewangan bukan satu kriteria dalam merancang pelan kewangan.

Jawapan: D

4 Pinjaman = $P + Pr t = 68\ 500 + 68500(0.035)(5) = \text{RM}\ 80\ 487.50$

$$\text{Ansuran bulanan} = \frac{80\ 487.50}{5 \times 12} = \text{RM}\ 1\ 341$$

5 Pinjaman = $\frac{80}{100} \times 4\ 000 = \text{RM}\ 3\ 200$

$$\text{Ansuran bulanan} = \frac{3200 + (3200 \times 0.02 \times 1)}{12} = \text{RM } 272$$

Jawapan: B

$$6 \text{ Aliran tunai} = 5500 + 550 - (1000 + 950) = \text{RM } 4100$$

Jawapan: D

Soalan Struktur

$$1 \text{ (a) Ansuran bulanan} = \frac{4000 + (4000 \times 0.03 \times 1)}{12} = \frac{4120}{12} = \text{RM } 343$$

- (b) (i) Matlamat Beng Heng adalah untuk membeli satu set sofa yang baharu menerusi pinjaman dengan membayar ansuran bulanan sebanyak RM343 dalam tempoh 1 tahun.
- (ii) Beng Heng perlu membayar RM343 sebulan agar dalam masa 1 tahun, dia dapat menjelaskan hutangnya.
- (iii) Beng Heng mesti berjimat-cermat agar mengurangkan pembelian item-item yang kurang penting supaya dia mampu untuk membayar RM343 setiap bulan dalam tempoh 1 tahun itu.
- (iv) Beng Heng mesti berdisiplin dan berjimat cermat dalam perbelanjaan agar berjaya untuk membayar ansuran sebanyak RM343 setiap bulan dalam tempoh 1 tahun itu.
- (v) Beng Heng perlu mengkaji kedudukan kewangannya bulan demi bulan sama ada dia menuju ke arah kejayaan untuk menjelaskan semua hutangnya dalam masa 1 tahun.
- (c) *Specific (Khusus)* – Membeli satu set sofa yang baharu
Measurable (Boleh diukur) – Beng Heng perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM343 selama 1 tahun
Attainable (Boleh dicapai) – Beng Heng dengan gaji bulanan RM3000 mampu membayar ansuran bulanan sebanyak RM343
Realistic (Realistik) – Dengan gaji bulanan sebanyak RM3000 dan hanya perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM343 adalah realistik
Time bound (Mempunyai tempoh masa) – Menyelesaikan hutang dalam tempoh masa 1 tahun
- (d) Jangka masa pendek

$$2 \text{ (a) (i)} h = 20 \times 30 = 600$$

$$\text{(ii)} k = 800$$

$$\text{(iii)} m = 510$$

$$\text{(iv)} n = k - m = 800 - 510 = 290$$

- (b) Aliran tunai positif

- (c) *Specific (Khusus)* – Membeli satu set peralatan senaman

Measurable (Boleh diukur) – Rosman perlu menyimpan sebanyak RM2 000 dalam masa 1 tahun

Attainable (Boleh dicapai) – Rosman dengan aliran tunai positif sebanyak RM290 sebulan (atau $RM290 \times 12 = RM3480$ setahun) mampu untuk membeli peralatan senaman yang berharga RM2 000

Realistic (Realistik) – Dengan aliran tunai positif sebanyak RM3480 setahun dan hanya perlu membayar RM2 000 adalah realistik

Time bound (Mempunyai tempoh masa) – Membeli peralatan senaman dalam tempoh masa 1 tahun

Maka, pengurusan kewangan Rosman adalah berkesan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.